

# Berita Ba UTeM



ISSN 1985 - 4706



www.utem.edu.my | edisi Oktober 2012



## Majlis KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA SERLAH KEGEMILANGAN PENGANTIAN TEKNIKAL

LG  
173  
.M44  
.B47  
2012  
a  
Oct



MAJLIS PELANCARAN  
PELAN STRATEGIK UTeM  
2012



JAKET KALIS PELURU DAPAT  
PERHATIAN PM

# Majlis Pelancaran PELAN STRATEGIK 2012-2020

3 Oktober 2012 | Dewan Besar UTeM



LG173.M44 .B47 2012 Oct



87516203

## PELAN STRATEGIK 2012-2020

**3 Oktober:** Selaku universiti teknikal pertama Malaysia, UTeM terus memastikan inisiatif ke arah kecemerlangan pengajian tinggi sentiasa bergerak seiring aspirasi negara.

Bertempat di Dewan Besar, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hari ini melancarkan Pelan Strategik UTeM 2012-2020 bagi memperkukuhkan lagi hala tuju universiti agar terus kekal relevan dan menepati kehendak arus perdana dan global.

Ketika menyampaikan ucapan di hadapan warga universiti, beliau menegaskan bahawa pelan strategik yang dirangka merupakan hasil usaha serta sumbangan semua pihak dalam memastikan kecemerlangan UTeM tidak hanya di peringkat nasional malah turut menyerlah ke tahap antarabangsa.

Justeru, beliau berharap agar seluruh warga UTeM menghayati isi kandungan dokumen pelan strategik dan menggunakannya sebagai panduan dalam merangka perancangan serta pelaksanaan program selari dengan keperluan negara.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan logo baharu universiti yang menonjolkan akronim UTeM dengan jelas dan mudah dikenali. Hal ini mempercepatkan penerimaan masyarakat umum terhadap universiti teknikal berprestij ini.

Ketika ditemui pada sidang media, beliau menjelaskan bahawa imej baharu yang ditonjolkan akan mengukuhkan lagi penjenamaan UTeM dalam kalangan IPTA serta penggunaan slogan "Sentiasa Merintis Sentiasa Menerajui" akan menjadi panduan setiap warga universiti ini untuk menggapai kecemerlangan.

Sementara itu, Program Pembangunan Kepimpinan Universiti (ULDP) turut dilancarkan dengan beberapa inisiatif diperkenalkan antaranya Jom Jemaah Di Masjid (JJDM), Green Café, UTeM My Home, UTeM Touch, Satu Fakulti Satu Industri dan Personalized Learning Environment (PLE).



## Isi Kandungan

|   |  |  |    |
|---|--|--|----|
| 2 | MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK UTeM 2012  | KETUA SETIAUSAHA KPT BERAMAH MESRA BERSAMA MAHASISWA UTeM HOLDINGS JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA TELAGA BIRU | 10 |
| 3 | ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2011  | KEPAKARAN KEJURUTERAAN UTeM DIKTIKRAF DI PGMCM 2012  | 11 |
| 4 | MAJLIS KONVOKESYEN KE 8  | PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSOLOR   | 12 |
| 5 | FKP HIMPUN PAKAR PENYELIDIK IDECON 2012  | KONTINJEN UTeM TEKAD BERI SAINGAN SENGIT DI SUKIPT 2012  | 13 |
| 6 | JAKET KALIS PELURU DAPAT PERHATIAN PM  | AKTIVITI RIADAH BERSAMA PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN UTeM RANCAKKAN AKTIVITI MAHASISWA                              | 14 |
| 7 | UTeM TUAN RUMAH PERSIDANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI KAMPUS PENDIDIKAN 2012 | MAJLIS ANUGERAH SUKAN UTeM 2011  | 15 |
| 8 | PEJABAT BENDAHARI PERTAHAN ANUGERAH EMAS PELAKSANAAN 5S                                | KEMBARA PERSAUDARAAN ISLAM UTeM  | 16 |
| 9 | KECEMERLANGAN UTeM SEBAGAI UNIVERSITI BERFOKUS TERUS DAPAT PERHATIAN ANTARABANGSA      | PEJABAT HEPA ANJUR PROGRAM PEMIMPIN PELAJAR TERBILANG PERSONALITI, KELAHIRAN & PERKAHWINAN                       | 17 |
|   |  | PESTA KONVO SEDIAKAN PELBAGAI ACARA MENARIK UNTUK ORANG RAMAI  | 18 |
|   |  | UTeM FORMULA VARSITY 2012  | 19 |

| PERPUSTAKAAN                        |               |
|-------------------------------------|---------------|
| Universiti Teknikal Malaysia Melaka |               |
| No. Kawalan                         | No. Panggilan |
| 87516203                            |               |
| Tarikh                              |               |
| 31 JAN 2013                         |               |



## Anugerah Akademik UNIVERSITI 2011

**10 Oktober:** Anugerah Akademik Universiti 2011 (AAU 2011) majlis pengiktirafan berprestij kepada ahli-ahli akademik UTeM telah disempurnakan di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Melaka.

Pada majlis yang penuh gilang gemilang itu, sebanyak enam anugerah telah disampaikan kepada ahli-ahli akademik UTeM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam beberapa kategori seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan.

Majlis tambah berseri dengan kehadiran Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakub menyempurnakan penganugerahan kepada ahli-ahli akademik yang dicalonkan.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penerima anugerah dan berharap agar majlis tersebut menjadi pendorong, penggerak dan pembakar semangat dalam menjana kecemerlangan berterusan.

Penerima anugerah dimulakan dengan Prof. Madya Dr. Jariah Mohamad Juoi dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang meraih Anugerah Pengajaran, Prof. Madya Dr. Hanipah Hussin dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

(PBPI) menerima Anugerah Penerbitan Buku dan Prof. Madya Dr. Rabiah Ahmad dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) menerima Anugerah Penyelidikan. Sementara itu, Prof. Madya Dr. Zulkiflie Ibrahim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) menerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk manakala Auzani Jidin dari fakulti yang sama meraih Anugerah Penerbitan Jurnal.

Anugerah Khas yang bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada ahli-ahli akademik yang telah memberi impak besar kepada universiti telah dianugerahkan kepada Othman Mohd (FTMK).





## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SERLAH KEGEMILANGAN PENGAJIAN TEKNIKAL

**20 Oktober:** Dewan Besar UTeM hari ini menyaksikan seramai 1,862 orang graduan menerima Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) mengikut bidang pengajian masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Ke-8 yang diadakan pada tahun ini.

Majlis Konvokesyen Ke-8 tersebut disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Tun Mohd Khalil Yaakub selaku Canselor UTeM.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam satu kenyataan dalam sidang media berkata, graduan yang dihasilkan pada tahun ini meningkat sebanyak 24 peratus berbanding jumlah graduan pada tahun lalu.

"Pada tahun ini, seramai 1,365 orang graduan menerima ijazah sarjana muda, 178 graduan bergelar sarjana manakala seramai 317 orang menerima diploma dan dua calon akan dianugerahkan ijazah kedoktoran," jelas beliau.

"Penghasilan graduan yang kompeten dalam industri sentiasa menjadi tumpuan utama UTeM agar keperluan negara untuk memiliki pakar-pakar kejuruteraan dan ICT sentiasa dipenuhi," katanya.

Majlis Konvokesyen Ke-8 turut menyaksikan seramai tiga orang tokoh dianugerahkan Ijazah Kehormat sebagai menghargai jasa dan sumbangan individu tersebut dalam kemajuan teknologi dan bidang pengurusan.

Mendahului senarai penerima ialah mantan Ketua Setiausaha Negara yang kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Petronas, Tan Sri Sidek Hassan yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan.

Ia diikuti oleh Dato' Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengerusi Eksekutif Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan manakala Rektor Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) dari Indonesia, Dr. Ir. Edi Noersasongko menerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Teknologi Pendidikan.

Dalam pada itu Pesta Konvokesyen yang diadakan bersempena majlis itu mendapat sambutan daripada pengunjung dan masyarakat sekitar apabila pelbagai program riadah dan santai diadakan di tapak pesta.

Antara yang menarik pengunjung ialah aktiviti seperti pertandingan "Battle of the Band", Karnival PC Fair, Bintang 60-an, Pertandingan Rekabentuk dan Inovasi serta Karnival Jualan.



# FKP HIMPUN PAKAR-PAKAR AKADEMIK DAN INDUSTRI ANTARABANGSA

**15 Oktober:** Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) hari ini menganjurkan Persidangan Antarabangsa Rekabentuk dan Kejuruteraan Selari 2012 (iDECON 2012) bertempat di Hotel Equatorial Melaka.


Bertemakan "Transformasi Pembuatan Ke Arah Kelestarian Global" persidangan itu dilihat memberi impak terhadap perkembangan industri pembuatan dalam negara serta menjadikan UTeM pelopor dalam bidang tersebut.

Menurut Dekan FKP, Dr. Mohd Rizal Salleh berkata, iDECON 2012 menjadi perintis jaringan akademik yang meluas serta menyediakan platform sesuai untuk perkongsian bijak antara penyelidik serta ahli akademik tempatan dan antarabangsa, jurutera dan pengamal industri kejuruteraan pembuatan dan rekabentuk.

"UTeM meningkatkan inisiatif untuk menjadi pemangkin kepada usahasama strategik antara ahli akademik dan industri dalam mentransformasikan hasil penyelidikan kepada produk yang berpotensi di pasaran. Justeru, penganjuran seminar seperti ini bakal merealisasikan tujuan tersebut," ujar beliau.

Mengulas dengan lebih lanjut, FKP pernah menganjurkan persidangan sulung pada tahun 2010 dan telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada ahli-ahli akademik dan pakar industri dari Belanda, United Kingdom, Belgium, Korea Selatan, Jepun serta Australia.

Hasil kejayaan penganjuran lalu, pada tahun ini sekretariat iDECON 2012 menerima peningkatan penyertaan kertas kerja berkaitan hasil penyelidikan dan kemajuan dalam bidang rekabentuk dan teknologi pembuatan termaju daripada penyelidik-penyelidik ternama dunia.





# JAKET KALIS PELURU

DAPAT PERHATIAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



**12 Oktober:** Jaket kalis peluru yang dikenali dengan nama DECO Armour 12 sebuah produk inovasi oleh penyelidik Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) mendapat perhatian Perdana Menteri YAB Dato' Seri Najib Tun Razak dalam satu majlis di bangunan Parlimen baru-baru ini.

Produk tersebut merupakan salah satu inovasi yang dipilih untuk dikomersilkan bersama pihak industri oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM).

Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri mengumumkan hasil inisiatif dari Peluang Perniagaan Inovasi (IBO) yang telah ditawarkan kepada komuniti perniagaan dan pelabur di Malaysia pada bulan April tahun ini.

Beliau yang mengumumkan perkara tersebut berkata, daripada 42 IBO yang ditawarkan melalui Pembidaan Kompetitif yang telus, 15 daripadanya telah diambil oleh industri untuk dikomersilkan, dan 18 yang lain masih di pelbagai peringkat rundingan.

Prof. Dr. Md. Dan Md. Palil penyelidik yang menghasilkan jaket tersebut berkata, kelebihan DECO Armour 12 dibandingkan dengan produk yang ada di pasaran berbeza dari segi berat dan proses penghasilannya.

"Menerusi penyelidikan berterusan, kita dapati bahawa sabut kelapa boleh diproses menjadi gentian yang boleh digunakan bersama beberapa bahan komposit lain seperti kevlar dan gentian kaca untuk menyerap impak objek halaju tinggi seperti peluru," kata beliau.

Jelasnya lagi, penggunaan gentian sabut kelapa berupaya mengurangkan kos bahan seterusnya menjimatkan kos pembuatan.

"Salah satu keistimewaan jaket ini ialah ianya ringan dan mudah dipakai oleh sesiapa sahaja khususnya pasukan keselamatan seperti tentera dan polis," jelas Prof. Md. Dan.

Dalam pada itu, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui dalam majlis yang sama menyifatkan kejayaan produk tersebut sebagai inspirasi kepada penyelidik universiti untuk lebih kreatif dan fokus.

"Seharusnya penyelidik merebut peluang ini kerana kerajaan sentiasa mendorong dan membantu semua pihak sama ada industri atau syarikat untuk mengomersilkan produk penyelidikan dan seterusnya menjana kekayaan negara," katanya.

# UTeM TUAN RUMAH

## PERSIDANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI KAMPUS PENDIDIKAN 2012

**4 Oktober:** Pejabat Pembangunan UTeM hari ini menjadi tuan rumah Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus Pendidikan 2012 yang berlangsung di Hotel Mahkota, Bandaraya Melaka.

Persidangan sehari itu menghimpunkan pegawai-pegawai dari sektor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara yang terlibat dalam pembangunan kampus.

Menurut Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM, Abdul Wahab Harun berkata, persidangan itu menampilkan pembentangan kertas kerja oleh wakil-wakil agensi kerajaan antaranya Jabatan Kerja Raya (JKR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta perkongsian maklumat pengurusan projek oleh pengarah-pengarah pembangunan universiti tempatan.

"Penganjuran persidangan seperti ini bertujuan memberi pendedahan serta berkongsi pengalaman mentadbir urus projek-projek pembangunan kampus agar peserta dapat menambahbaik serta menyelia projek dengan berkesan dan efektif," jelas Abd. Wahab yang ditemui di pejabatnya.

Menurutnya lagi, persidangan itu berperanan sebagai sebuah platform yang mampu meningkatkan tahap profesionalisme individu terlibat dalam pengurusan projek dan secara tidak langsung menyumbang kepada penyediaan persekitaran kondusif untuk golongan mahasiswa khususnya.

Dalam masa yang sama, persidangan yang dianjurkan berperanan meningkatkan pengetahuan berkaitan teknologi termasuk kepentingan pengurusan tenaga dan pengurusan nilai (value management) di dalam sesuatu projek.

Turut hadir dalam persidangan tersebut firma-firma perunding seperti arkitek, kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik serta kontraktor pembinaan.





## PEJABAT BENDAHARI PERTAHANAN ANUGERAH EMAS PELAKSANAAN 5S DUA TAHUN BERTURUT-TURUT



**17 Oktober:** Tekad, bersestematik, keazaman dan kesungguhan kakitangan Pejabat Bendahari telah membuahkan kejayaan mengungguli Anugerah Emas bagi Kategori Sektor Awam Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun ini.

Kejayaan tercipta menerusi penyertaan dalam Konvensyen Persekitaran Kualiti (5S) Peringkat Kebangsaan 2012 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Menurut Bendahari UTeM Khairul Taib, kejayaan itu merupakan satu komitmen dan usaha berterusan daripada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan sistem 5S di universiti ini.

"Pelaksanaan sistem 5S adalah untuk mewujudkan budaya kerja sistematik, efisien dan produktif sekaligus melancarkan operasi pejabat yang memberi perkhidmatan kepada seluruh universiti," jelas beliau.

Mengulas latar belakang pelaksanaan di sini beliau berkata, pelaksanaan sistem 5S telah bermula dengan pembentukan jawatankuasa pelaksana seramai 14 orang sejak Ogos 2007 dengan menjalankan beberapa langkah seperti membudayakan kakitangan dengan persekitaran 5S.

"Seterusnya pejabat ini telah berjaya memperolehi pengiktirafan dari Malaysian Productivity Corporation (MPC) pada tahun 2008 dengan sijil pengiktirafan terhadap pelaksanaan sistem 5S yang berkesan dan berterusan ke tahun-tahun seterusnya", jelasnya.

Sementara itu Naib Canselor Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan melahirkan rasa gembira kerana kejayaan ini memberi impak besar dan meningkatkan lagi prestij serta nama baik UTeM dalam kalangan IPTA dan juga sektor Badan Berkanun Persekutuan negara.

"Kejayaan ini selari dengan hasrat UTeM yang sentiasa menyokong penuh ke arah pengwujudan persekitaran kualiti seterusnya meningkatkan produktiviti dan kepantasan dalam pelaksanaan operasi harian universiti".

Mengulas lanjut beliau berkata, di samping itu anugerah tersebut memberi suntikan semangat dan perangsang kepada jabatan-jabatan lain di universiti ini agar mencontohi dan turut sama menjayakan pelaksanaan persekitaran kualiti 5S.





## KECEMERLANGAN UTeM SEBAGAI UNIVERSITI BERFOKUS TERUS DAPAT PERHATIAN ANTARABANGSA

**17 Oktober:** Keunikan konsep pembelajaran dan pengajaran di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang berteraskan aplikasi dan pendedahan industri terus mendapat perhatian antarabangsa.

Hari ini UTeM selaku sebuah universiti berfokus telah dikunjungi oleh delegasi terdiri daripada pengurusan kanan Akademi Sains Eropah dan Asia yang berminat melihat perkembangan semasa universiti itu.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin yang hadir pada sesi lawatan itu berkata, delegasi tersebut merupakan Panel Penasihat Inter-Academy (IAP) Akademi Sains Malaysia (ASM) yang sedang dalam rangka mesyuarat di Kuala Lumpur.

"Delegasi ini yang datangnya dari negara-negara Eropah dan Asia sangat berminat untuk meninjau corak pengajian serta kemudahan yang terdapat di universiti yang unik seperti UTeM," jelas Dr. Ahmad Zaidee.

"Pertemuan sebegini amat penting dalam mendapatkan pandangan dan perkongsian idea terutama sekali dalam jalinan penyelidikan bersama tokoh-tokoh sains yang sangat dikenali ini," kata beliau lagi.

Naib Canselor UTeM dan pengurusan universiti telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan delegasi yang hadir berkaitan konsep pengajian, penyelidikan serta pencapaian sepanjang lebih sedekad penubuhannya.

Delegasi yang hadir antaranya Pengarah Eksekutif Akademi Sains Amerika Syarikat Dr. John Boright, Presiden Akademi Sains India Prof. Krishna Lal, felo Akademi Sains Itali Prof. Antonio Sgamellotti, Setiausaha Luar Akademi Sains Australia Dr. Andrew Holmes serta Naib Presiden Majlis Akademi Sains Eropah Prof. Jos Van De Meer.

Sebuah kereta Proton Saga berkuasa elektrik yang beraksi cemerlang di Proton Green Mobility Challenge 2012 (PGMC 2012) menjadi perhatian utama pelawat di samping sebuah jentera lumba yang mengambil bahagian dalam UTeM Formula Varsity baru-baru ini.

Kekaguman jelas terpancar di wajah delegasi apabila mengetahui bahawa hasil inovasi tersebut merupakan hasil ciptaan pensyarah dan pelajar UTeM sendiri tanpa memerlukan kepakaran luar.





## Ketua Setiausaha KPT *Beramah Mesra* Bersama Mahasiswa

**14 Oktober:** Seramai 120 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi MARA cawangan Melaka dan Negeri Sembilan, Politeknik Merlimau, Politeknik Kota Melaka dan Politeknik Port Dickson telah diraikan dalam satu majlis ramah mesra oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Menurut Datuk Ab. Rahim Md. Noor berkata, tujuan mengadakan majlis itu adalah untuk berkenalan dengan lebih rapat pemimpin pelajar dalam Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2012/2013 yang baru dilantik.

Sehubungan itu beliau turut menyentuh misi dan visi KPT untuk bersama-sama menjadikan pendidikan tinggi negara mencapai sehingga ke tahap global serta mahukan mahasiswa menjadi seorang yang hebat untuk membantu menaikkan nama universiti masing-masing.

Sementara itu sesi soal jawab bersama pemimpin pelajar tersebut turut diadakan bagi mendengar dengan lebih terperinci berhubung persoalan kepimpinan pelajar dan hubungan dengan KPT.

Turut hadir di dalam majlis ini ialah Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Shahid-Din Mohd Khatib ahli Lembaga Pengarah UTeM.

## UTeM Holdings Jalin Kerjasama Strategik Bersama Telaga Biru



**8 Oktober:** UTeM Holdings yang merupakan anak syarikat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah bagi merealisasikan transformasi perniagaan berjaya antara industri.

Terbaru UTeM Holdings mengadakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam usaha menjalin kerjasama strategik sektor korporatnya bersama Telaga Biru Group of Companies bertempat di Bangunan Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holdings Mohd Al Khafiz Zainal berkata, objektif memorandum itu adalah untuk melebarkan kerjasama korporat antara UTeM Holdings dan Telaga Biru bagi penganjuran program akademik, pembangunan profesional dan pembangunan modal insan.

Tambah beliau lagi, antara program yang dirancang untuk dijayakan bersama antaranya seperti Konvensyen Antarabangsa Sains dan Al-Quran 2013, Kursus Pengajian Islam, syariah dan usuluddin di samping program penghayatan Islam dan pembangunan insan.

Turut hadir ke majlis itu Datuk Dr Abdul Rahman Saad Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Holdings, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor UTeM serta beberapa ahli lembaga pengarah UTeM Holdings bersama barisan pengurusan tertinggi universiti.

Manakala Telaga Biru Group of Companies pula diwakili Dato Subhi Hj Ba'i yang merupakan Pengarah Urusan dan beberapa orang pegawai dari syarikat berkenaan.



# Kepakaran Kejuruteraan UTeM Diiktiraf Di Proton Green Mobility Challenge 2012



**6 Oktober** : Pertandingan Proton Green Mobility Challenge (PGMC) 2012 menyaksikan keunggulan serta kepakaran sekumpulan staf dan pelajar UTeM mengharungi pertandingan itu dengan menduduki tempat ketiga keseluruhan.

Pertandingan tersebut memerlukan setiap pasukan membina kereta elektrik sepenuhnya menggunakan platform Proton Saga BLM dan berlumba di atas litar sebenar bagi membuktikan tahap inovasi dan kejuruteraan masing-masing.

Berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang, pasukan UTeM dengan nama EverGREEN memberi saingan sengit kepada 9 lagi pasukan terdiri daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) yang terpilih ke peringkat akhir.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, "Prestasi membanggakan telah ditunjukkan oleh semua yang terlibat dan sememangnya hasil usaha berterusan telah membuahkan hasil yang membanggakan," katanya.

Jelas beliau lagi, pasukan dibentuk merupakan gabungan kepakaran tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang berganding bahu menggunakan kemahiran spesifik dalam pembinaan jentera berkuasa elektrik.

Dalam cabaran tersebut pasukan UTeM telah mengungguli beberapa kategori iaitu V-MAX (Halaju Maksimum 2 pusingan litar) dengan masa dicatatkan oleh pemandu utama EverGREEN, Logan Raj selaju 126 km sejam.

Manakala UTeM turut cemerlang dalam kategori Pembangunan dan Penyelidikan melalui strategi pembangunan kereta elektrik terutama sekali pengurusan termal, pengurusan bateri, kawalan motor dan sistem pemantauan.

"Kesemua sistem tersebut dibangunkan sepenuhnya oleh kepakaran UTeM tanpa menggunakan produk siap yang sedia ada di pasaran dan ini merupakan satu pencapaian yang sangat dibanggakan," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Turut menerima anugerah ialah aktiviti penajaan dan promosi yang dijalankan oleh pasukan EverGREEN melalui laman web rasmi universiti dan media sosial seperti facebook dan twitter.

Selaku pemenang di tempat ketiga, pasukan EverGREEN UTeM menerima geran penyelidikan dan pembangunan bernilai RM 10,000 serta hadiah wang tunai dalam beberapa kategori utama yang dimenangi.

**PROTON GREEN MOBILITY CHALLENGE 2012**



# Program Rekreasi Bersama Naib Canselor Suntik Gaya Hidup Sihat Cergas Warga UTeM

**3 Oktober:** Pusat Sukan UTeM mengambil langkah proaktif untuk menyemai amalan gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan warganya.

Bagi menjayakan inisiatif tersebut, Pusat Sukan UTeM menganjurkan Program Rekreasi Bersama Naib Canselor hari ini bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal.

Program tersebut dijayakan dengan kehadiran Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang turut serta beriadah bersama warga universiti dalam aktiviti berbasikal lasak di sekitar kampus.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, program sedemikian diadakan untuk mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat, ceria dan cergas bagi mewujudkan suasana universiti yang unggul.

"Berbasikal lasak merupakan aktiviti yang sangat sesuai untuk menambah stamina serta membina keyakinan diri lebih-lebih lagi dalam menempuh bentuk muka bumi yang mencabar seperti di dalam kampus ini", jelas beliau ketika ditemui.

Menurutnya lagi, program yang dianjurkan merupakan platform terbaik untuk warga universiti mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah sekaligus meningkatkan tahap kesihatan.

Selain aktiviti riadah, peserta program turut didedahkan dengan maklumat berkaitan kecergasan dan kesihatan yang disampaikan oleh kakitangan Pusat Sukan UTeM yang terlatih.



# Kontinjen UTeM Tekad Beri Saingan Sengit Di SUKIPT 2012

**24 Oktober:** Kontinjen UTeM yang menyertai Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) melancarkan tekad untuk memberi saingan sengit dalam acara dipertandingkan pada temasya sukan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Baru-baru ini, Naib Canselornya Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan beserta pegawai-pegawai kanan universiti telah hadir dalam satu majlis menyatakan sokongan dan suntikan motivasi kepada pelajar yang mengambil bahagian dalam acara sukan tersebut.

Menurut ketua kontinjen UTeM, Mohd Fairuz Azwad berkata, pada kejohanan kali ini UTeM menghantar penyertaan dalam tiga acara iaitu tenpin bowling, taekwondo dan ragbi.

"Ketiga-tiga acara ini merupakan sandaran UTeM untuk mencipta kejayaan dalam arena sukan tanahair berdasarkan pencapaian memberangsangkan atlet universiti ini di beberapa kejohanan peringkat IPT mahupun kebangsaan," jelas Mohd Fairuz.

Sementara itu Naib Canselor UTeM, Dr. Ahmad Yusoff

ketika ditemui melahirkan harapan agar atlet yang dipilih mempamer semangat juang yang tinggi serta mengharumkan nama universiti di peringkat yang lebih tinggi.

"Kalah atau menang bukanlah ukuran kejayaan, namun semangat kesukanan yang unggul harus ditonjolkan dan saya doakan kontinjen UTeM beraksi dengan sebaiknya di pentas ini", kata Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau kemudiannya menandatangani kain rentang sokongan kepada atlet dan menyerahkan bendera universiti kepada Mohd Fairuz sebagai simbolik bermulanya perjuangan UTeM di SUKIPT 2012.

Hadir sama pada majlis itu Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Mohd Pilus, mahasiswa serta pegawai-pegawai kanan universiti yang turut menyatakan sokongan padu kepada atlet yang mengambil bahagian.


Pusat Sukan UTeM dalam pada itu turut mempromosikan temasya SUKIPT 2012 dengan menyediakan kain rentang untuk ditandatangani oleh warga universiti sebagai tanda sokongan.





# Aktiviti Riadah Bersama Pengurusan Kolej Kediaman UTeM Rancakkan Aktiviti Mahasiswa

**7 Oktober:** Kolej Kediaman Murni, D'Apartment dan Makmur merupakan sebahagian daripada rangkaian pentadbiran kolej kediaman UTeM yang sedang merencanakan aktiviti menggerakkan mahasiswa untuk menyumbang kepada masyarakat.



Sehubungan dengan itu, satu inisiatif telah dilakukan oleh Majlis Felo Kolej Kediaman Murni untuk menganjurkan program bersama bakal Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa/Siswi (JAKSIS) sebagai usaha merapatkan lagi hubungan dengan pengurusan kolej dan juga memberikan pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa baru UTeM.


Menurut Pengetua Kolej Kediaman Murni, Al Amin Mohamed Sultan, bagi mencapai matlamat tersebut JAKSIS dengan kejasama para Felo kolej kediaman telah menganjurkan Program Salam Muhibbah Perlawanan Bowling bersama JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Murni, D'apartment dan Makmur yang diadakan di Melaka International Bowling Center (MIBC), Melaka baru-baru ini.

"Kita cuba merangka satu perubahan dan perbezaan dalam mengatur aktiviti mahasiswa pada kali ini dan kita percaya pemilihan jawatankuasa kolej kediaman perlu diberikan fokus", kata Al Amin.

"Justeru kami cuba rangka pemilihan ini bukan sekadar temuduga semata-mata tetapi juga penglibatan mereka dalam beberapa aktiviti yang mana mereka semua akan dinilai dan kemudiannya akan dilantik sekiranya memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa", ujar beliau.

Mengulas lanjut beliau berkata, program yang turut disertai mantan JAKSIS dan beberapa wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM turut berjaya membawa kepada perkongsian ilmu dan pertukaran idea yang segar kepada ahli-ahli JAKSIS yang baru.





# Majlis ANUGERAH SUKAN UTeM 2011

## Penghargaan & Rangsang Peningkatan Kualiti Sukan Universiti



**16 Oktober:** UTeM hari ini mengadakan majlis penghargaan sumbangan staf dan pelajarnya yang telah mengharumkan nama universiti dalam arena sukan sepanjang tahun 2011.

Majlis Anugerah Sukan UTeM 2011 (MASUTeM 2011) menyaksikan pelbagai kategori penghargaan disampaikan kepada kelab, pasukan, jurulatih serta atlet yang mempamerkan prestasi cemerlang dalam beberapa kejohanan peringkat IPTA mahupun kebangsaan sepanjang tahun lalu.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu berucap dalam majlis tersebut berkata, universiti sangat memandangi tinggi kesungguhan yang ditunjukkan oleh atlet yang terdiri daripada staf dan pelajar dalam mengharumkan nama UTeM.

"Pengukuran akademik sahaja tidak mencukupi bagi golongan mahasiswa sebaliknya aspek kokurikulum, sukan dan kepimpinan menjadi kriteria utama yang mengasah bakat dan kebolehpasaran modal insan hari ini".

"Justeru, penglibatan mahasiswa dan staf universiti seharusnya diberi pujian kerana mereka telah berkorban masa dan tenaga memastikan pencapaian terbaik dalam setiap pertandingan yang disertai," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Dalam majlis tersebut, pengurusan tertinggi UTeM serta pegawai-pegawai kanan universiti hadir bagi menyatakan sokongan kepada atlet dan pegawai pasukan.

Bagi Anugerah Pasukan Cemerlang 2011, pasukan bowling padang (staf) lelaki merangkul gelaran hasil prestasi cemerlang dalam beberapa kejohanan termasuk di temasya Sukan Staf Universiti Malaysia ke-36 (SUKUM 36).

Manakala pasukan lumba basikal (pelajar) dipilih sebagai penerima Anugerah Pasukan Cemerlang 2011 melalui pencapaian memberangsangkan di beberapa siri jelajah yang disertai tahun lepas.

Anugerah Olahragawan pelajar dinobatkan kepada pemain badminton Muhammad Aiman Husin manakala Siti Niartun Aniqah dari sukan rowing diumumkan sebagai Olahragawati pelajar.

Sementara itu, kategori staf menyaksikan atlet lumba basikal, Amirruddin Jamaludin dinobatkan sebagai Olahragawan dan pemain bola jaring, Hanisah Hamdzah dipilih sebagai Olahragawati.

Semua pemenang anugerah menerima trofi, sijil penghargaan dan wang tunai yang disampaikan oleh pengurusan tertinggi universiti.



# Kembara Persaudaraan Islam UTeM – Kemboja

**25 Oktober:** UTeM hari ini memulakan langkah penganjuran program “Kembara Persaudaraan Islam UTeM – Kemboja” bersempena dengan sambutan Aidiladha yang akan berakhir pada 31 Oktober ini di Seam Reap Kemboja.

Menurut Pengarah Pusat Islam UTeM merangkap ketua delegasi Dr. Radzuan Nordin berkata, objektif program itu adalah untuk membantu masyarakat Islam di negara berkenaan di samping melebarkan lagi hubungan UTeM di peringkat antarabangsa.

“Menerusi program ini juga ianya dapat menyelami akan kedaifan saudara Islam di sana sambil membantu meringankan beban mereka serta menyemarakkan lagi sambutan Aidiladha”, ujar beliau.

Jelasnya lagi, menerusi program tersebut UTeM telah berjaya mengumpulkan dana hasil sumbangan warga

universiti berjumlah lebih RM 60,000.00 bagi menjayakan beberapa program sepanjang enam hari di sana.

“Antara program yang dirancang ialah melaksanakan ibadah korban sebanyak 20 ekor lembu yang mana daging korban berkenaan akan diagihkan kepada tujuh buah perkampungan Islam di sekitar kawasan Siem Reap yang berkedudukan 150 kilometer dari Bandaraya Phnom Penh”.

“Kita juga melaksanakan program akikah sebanyak 17 ekor kambing bersama dengan masyarakat Islam setempat dengan kerjasama Persatuan Pelajar Islam Kemboja”, kata beliau lagi.

Turut menjayakan program itu ialah beberapa bank tempatan yang menyalurkan sumbangan antaranya Bank Simpanan Nasional (BSN), RHB, CIMB, Bank Rakyat, MBSB, Agro Bank, Bank SME serta Bank Persatuan.





# Pejabat HEPA Anjur Program Pemimpin Pelajar Terbilang



**14 Oktober:** Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) menggalakkan mahasiswa terlibat aktif dalam aktiviti persatuan terutamanya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta menghasilkan program yang memberi impak positif kepada pelajar.

Lantaran itu HEPA telah menganjurkan kursus Pengurusan Organisasi kepada 45 orang pemimpin pelajar terdiri daripada ahli-ahli exco MPP serta wakil persatuan dan kelab di Pengkalan Balak Tanjung Bidara.

Menurut Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, objektif kursus itu ialah bagi memberi penjelasan tentang visi, misi, objektif penubuhan dan hala tuju Majlis Perwakilan Pelajar.

"Di samping itu mereka turut dijelaskan tentang peranan semua peringkat ahli kumpulan terutama dalam urusan pentadbiran serta pengurusan kewangan yang betul", ujar beliau.

Ceramah telah disampaikan oleh Zainudin Ahmad, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA dengan tajuk "Tatacara Pengurusan Fail dan Persuratan Rasmi", manakala Mohd. Nizam Mazlan, Ketua Penolong Pendaftar HEPA dengan tajuk "Prosedur Penganjuran dan Penyertaan Program dan Kewangan".

Turut diadakan aktiviti luar iaitu sukan "paintball" untuk menguji kebolehan peserta dalam membuat perancangan dengan cara bagaimana mengatur strategi bagi mengatasi pasukan lawan.



## Personaliti Pilihan

**AZHAR BIN MOHD SALLEH**  
KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN



Mula bertugas di universiti ini pada 19 Mac 2001 dan ditempatkan di Unit Perkhidmatan dan Bahagian Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar sehingga tahun 2004. Seterusnya beliau berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sebelum menyertai Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) pada tahun 2008.

Bersandarkan pengalamannya yang luas dalam menguruskan pengambilan pelajar baru, peperiksaan dan pengijazahan serta pengiktirafan kursus, beliau diberi kepercayaan

untuk berkhidmat di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bagi mewujudkan bahagian pentadbiran serta merancang segala keperluan fakulti.

Azhar yang merupakan anak jati Melaka amat menggemari masakan asam pedas Melaka. Beliau pernah mewakili UTeM dalam SUKUM pada tahun 2002 di UIAM bagi acara berkayak dan tarik tali di samping menjadi Pengurus Bola Sepak Senior serta pernah menjadi Pengerusi Biro Sukan dan Rekreasi, BAKUTKM pada tahun 2002-2003.

**NOORHAYATI BINTI ISHAK**  
PENOLONG PENDAFTAR  
PEJABAT NAIB CANSOLOR



Mula berkhidmat di UTeM pada 1 Februari 2010 dan ditempatkan di Pejabat Naib Canselor untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran pejabat tersebut.

Berasal dari Sungai Udang Melaka, ibu kepada dua cahaya mata ini gemar membaca novel di waktu lapang selain meluangkan masa bersama keluarga tercinta di hujung minggu.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan seorang yang fokus dan komited dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran di Pejabat Naib Canselor.

Selain urusan hakiki, Noorhayati turut terlibat sebagai sekretariat pertandingan mencipta software peringkat kebangsaan yang dikenali dengan nama Imagine Cup anjuran Microsoft Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



# Pesta Konvo Sediakan Pelbagai Acara Menarik Untuk Orang Ramai

**19 Oktober:** Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang tiga hari penganjuran Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen Ke-8 tahun ini.

Dirasmikan oleh Pro Canselor Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pesta Konvo pada tahun ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat sekitar universiti ini.

Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman ketika ditemui berkata, antara program yang dianjurkan ialah PIKOM PC Fair yang diadakan di Pusat Persatuan Pelajar, Kejohanan Orienteering peringkat kebangsaan, pertandingan gusti lengan serta karnival jualan.

"Pameran kereta hasil ciptaan UTeM, pertandingan rekacipta dan inovasi, Karnival Penghayatan Islam, gerai makanan dan jualan, pertandingan "Battle of the Band", pertandingan suara gemersik turut diadakan bagi menarik orang ramai pada tahun ini," jelasnya.

Menurut Prof. Dr. Marizan lagi, Pesta Konvo menjadi platform bagi melibatkan pelajar dalam penganjuran acara sebesar ini dan akan melatih mereka dalam menjayakan pelbagai aktiviti khususnya keusahawanan yang boleh diaplikasikan setelah mereka tamat pengajian nanti.



**Afrinsofia**  
8 Oktober 2012

**Nama Staf:**  
Asri bin Abu  
(PPKK, Canselor)

**Nama Bayi:**  
Afrinsofia binti Asri

## Tahniah di atas kelahiran putera/puteri anda



**Muhammad Syaaffiq Irfan**  
16 Oktober 2012

**Nama Staf:**  
Muhammad Syahrizan bin Johal  
(FKEKK)

**Nama Bayi:**  
Muhammad Syaaffiq Irfan bin Muhammad Syahrizan




# UTeM Formula Varsity 2012 Lonjak Sukan Automotif ke Tahap Tinggi




**14 Oktober:** Sebanyak 25 buah pasukan yang mengambil bahagian dalam UTeM Formula Varsity 2012 telah menunjukkan prestasi terbaik sepanjang dua hari kejohanan berlangsung.



Venue perlumbaan di Melaka International Motor Circuit (MIMC), Ayer Keroh menjadi saksi kepada kehebatan jentera lumba yang dihasilkan oleh pasukan bertanding bagi merebut gelaran juara.



Menurut Pengarah Program merangkap Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Musthafah Mohd Tahir berkata, penganjuran pada tahun ini merupakan penganjuran buat kali keempat yang mana kali pertamanya pada tahun 2006 seterusnya 2008, 2010 dan muncul kembali pada tahun ini. Beliau yang ditemui menjelaskan, pertandingan itu bertujuan mencungkil bakat, kepakaran serta kemahiran pelajar dalam bidang kejuruteraan dari seluruh IPTA dan IPTS untuk mereka-bentuk, memasang sebuah jentera lumba dan bertanding secara "formula style".



Tuah nyata milik pasukan Kolej Universiti TATI dari Kemaman, Terengganu yang muncul johan keseluruhan dalam saingan sengit yang ditunjukkan oleh setiap pasukan. Pasukan Institut Kemahiran MARA (IKM) Sungai Petani, Kedah berpuas hati di tangga kedua manakala Pasukan Fakulti kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM di tempat ketiga keseluruhan.



**KETUA EDITOR :**



Fazidah Ithnin

**WARTAWAN :**



Mohd Khairulhusaini Mohd Saad



Bob Faizeli Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**



Aziza Md Buang



Zaffaruddin Hamzah



Ahmad Saufie Jaffar

**JURUFOTO :**



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

**PENGEDARAN :**



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

*'To Be One of the World's Leading Innovative  
and Creative Technical Universities'*



**Always A Pioneer,  
Always Ahead**

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka

As a Focus University, UTeM boasts strengths in technical fields – namely Engineering, IT, and Management Technology. UTeM has cemented a reputation of being a source of high-quality engineering graduates with the capability of meeting the requirements of high-tech industries. UTeM also has research competencies in areas that it has identified as being key to enhancing the University's unique proposition and also contributes to the nation such as Green Technology, Systems Engineering, Human-Technology Interaction, and Emerging Technology.

UTeM admits not only local but also international students and this includes students from Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapore, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria and Jordan.